

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pelan jangka masa panjang dan pemulihan serta kesediaan Kementerian dari segi perubatan dalam berdepan dengan pandemik COVID-19 di negara ini terutamanya pandemik COVID-19 dijangka akan berlarutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari hakikat kejadian pandemik COVID-19 ini dijangka akan berterusan untuk suatu tempoh masa yang agak lama dan masih tiada vaksin serta ubat bagi COVID-19.

2. Sebagai pelan jangka masa panjang dan pemulihan, KKM sedang melaksanakan Kempen Pembudayaan Norma Baharu menggunakan pendekatan “Cegah dan Didik, Amal, Patuh dan Pantau.” Bagi memastikan pelaksanaannya, pelbagai pihak dilibatkan iaitu Klinik Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah, Majlis Tindakan Daerah, NGO dan pemimpin-pemimpin komuniti dengan menggunakan strategi berikut:

- i. Pendidikan kesihatan kepada pelanggan/ komuniti di daerah;
- ii. Kenalpasti kumpulan berisiko tinggi;

SOALAN NO : 19

- iii. Penglibatan Community Based Organisation (CBO) dalam promosi kesihatan seperti Panel Penasihat Klinik Kesihatan;
- iv. Survelan Influenza Like illness & COVID-19;
- v. Usaha advokasi;
- vi. Kenalpasti kumpulan berisiko tinggi mendapat dan menyebarkan jangkitan COVID-19;
- vii. Penguatkuasaan; dan
- viii. Memperkukuhkan pelaksanaan aktiviti pencegahan dan pengawalan.

3. KKM juga meningkatkan keberkesanan sistem pelaporan di mana setiap kejadian COVID-19 dilaporkan ke Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran, *Crisis, Preparedness, and Response Centre* (CPRC) di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan juga CPRC Kebangsaan secara serentak. Proses pelaporan ini adalah penting kerana koordinasi dan kawalan kejadian COVID-19 dijalankan secara sistematik dan efektif di setiap peringkat.

4. KKM juga memperkenalkan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bagi menjadikan rakyat Malaysia daripada semua peringkat agar sihat dari segi fizikal, mental dan sosial serta mengamalkan norma baharu kesihatan. ANMS ini menjadikan *health in all policies* sebagai keutamaan dengan menggunakan pendekatan *whole of government* dan *whole of society* melalui penglibatan semua Kementerian, agensi Kerajaan, swasta, badan bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti bagi memastikan pelaksanaan yang menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dari segi perubatan, semenjak awal penularan COVID-19 lagi, KKM telah mengambil pelbagai tindakan untuk memastikan kelengkapan logistik, tenaga kerja, set kelengkapan pelindung diri, alat bantuan pernafasan dan katil untuk pesakit di hospital adalah mencukupi.

6. **Bilangan hospital Kerajaan yang memberi rawatan COVID-19 telah ditingkatkan dari 26 kepada 44 buah hospital menjadikan jumlah katil khas untuk pesakit COVID-19 di hospital sebanyak 3,678 buah.** Di samping itu, Pusat-pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) juga telah dikenal pasti di setiap negeri bagi menambahkan bilangan katil. **Pusat-pusat ini telah diaktifkan di semua negeri dengan jumlah katil sebanyak 8,458 buah, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 12,136 buah katil.**

7. KKM juga telah berusaha untuk mempertingkatkan keupayaan makmal COVID-19 di tahap optimum bagi menampung keperluan ujian COVID-19 di seluruh negara dan **telah berjaya meningkatkan kemampuan ujian makmal RT PCR COVID-19 daripada 1,000 ujian sehari pada Januari 2020 kepada 58,466 ujian sehari (20 Oktober 2020).** Secara keseluruhannya, terdapat **61 buah makmal di seluruh negara yang boleh menjalankan ujian pengesanan COVID-19 secara Reverse Transcription Polymerase Chain Reaction (RT-PCR).**

8. Kerajaan juga telah meluluskan cadangan Projek MKA Sarawak. MKA Sarawak akan menjadi sebahagian daripada rangkaian MKA yang telah dikenal pasti mengikut zon di seluruh negara bagi menyediakan perkhidmatan makmal khusus untuk pengawalan dan pemantauan penyakit, penyiasatan wabak, keselamatan air dan makanan, persekitaran serta krisis kesihatan awam.

9. Dengan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan, KKM berharap setiap peringkat dan lapisan masyarakat juga memainkan peranan masing-masing dalam mengekang penularan jangkitan COVID-19 dengan mengamalkan kelaziman baharu dalam kehidupan seharian serta pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sekian, terima kasih.